

## **ULASAN KES *JABATAN PENDAFTARAN NEGARA & ORS V. SEORANG KANAK-KANAK & ORS*<sup>1</sup> - SINAR BARU UNDANG-UNDANG ISLAM?**

***Ahmad Hidayat Buang***

*Professor, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
ahidayat@um.edu.my*

### **PENDAHULUAN**

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, persoalan pemakaian atau pelaksanaan undang-undang Islam dalam negara terus menerus menerima cabaran, terutama melalui permohonan semakan undang-undang di Mahkamah Sivil. Cabaran ini ketara melalui kes *Indra Gandhi v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak*<sup>2</sup> di mana Mahkamah Rayuan memutuskan mahkamah sivil mempunyai bidangkuasa semakan ke atas perkara-perkara pentadbiran yang berkaitan dengan perundangan Islam. Keputusan ini sedikit sebanyak telah mengehendak atau memperincikan keputusan Mahkamah Persekutuan sebelum ini dalam kes *Mohd Habibullah v. Faridah*<sup>3</sup> yang menetapkan Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa eksklusif undang-undang persendirian orang Islam. Oleh yang demikian, permohonan semakan kehakiman ke atas tindakan agensi kerajaan atau badan pentadbiran dalam melaksanakan sesuatu keputusan yang diperuntukkan di dalam undang-undang, apatah lagi undang-undang persekutuan, yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang Islam akan didengar oleh Mahkamah Sivil.

Bantahan-bantahan yang dibangkitkan menggunakan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan seperti masa dahulu dalam pelbagai kes berkaitan dengan undang-undang Islam di Mahkamah Sivil mungkin sudah tidak lagi relevan. Perkara ini ditegaskan dengan jelas dalam penghakiman minoriti kes Mahkamah Persekutuan yang kini diulas dengan menyatakan bahawa

---

<sup>1</sup> *Jabatan Pendaftaran Negara & Ors v. Seorang Kanak-Kanak & Ors* [2020] 2 MLRA 487. Kes ini turut dilaporkan dalam [2020] 4 CLJ 731. Sebahagian data yang digunakan dalam ulasan ini diambil dari Projek FP030-2016 UM.

<sup>2</sup> *Indra Gandhi v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* [2018] 1 MLJ 545.

<sup>3</sup> *Mohd Habibullah v. Faridah* [1992] 2 MLJ 793.

bagi perkara undang-undang pentadbiran (termasuk yang menyentuh tindakan pihak berkuasa agama dan lain-lain dalam menjalankan fungsi mereka di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri) Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa untuk membuat semakan perundangan. Prinsip ini telah menjadi sebahagian kuasa semakan mahkamah sivil yang diperkuatkan di dalam lanskap perundangan negara – “*this principle of law is presently well entrenched in this country’s legal landscape*” (h.537). Kes yang diulas ini merupakan permohonan semakan kehakiman terhadap keputusan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (KPPN) terhadap permohonan pendaftaran anak tidak sah taraf, di mana persilangan antara undang-undang pentadbiran dan undang-undang Islam menjadi fokus pertimbangan Mahkamah di dalam membuat keputusan.

## **FAKTA DAN KEPUTUSAN KES**

Dalam kes ini responden yang dikenali sebagai MEMK telah memohon untuk mendaftarkan anaknya mengikut seksyen 13A Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (APKK) pada tahun 2012. Seksyen berkenaan adalah berkaitan permohonan pendaftaran anak tidak sah taraf untuk memasukkan nama keluarga atau *surname* kepada anak. Lanjutan daripada permohonan tersebut, KPPN mengeluarkan sijil kelahiran dengan membincakan anak tersebut dengan Abdullah. Dengan demikian, permohonan responden untuk membincakan anak berkenaan dengan namanya ditolak oleh KPPN. Tindakan memasukkan bin Abdullah pada sijil kelahiran anak berkenaan adalah selaras dengan dua keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tahun 1981 dan 2003 bagi anak-anak tidak sah taraf. Lanjutan dari itu MEMK pada tahun 2015 telah memohon untuk membetulkan sijil berkenaan daripada bin Abdullah kepada namanya sendiri di bawah seksyen 27(3) APKK. Permohonan ini ditolak oleh KPPN dengan alasan “tempoh tarikh kelahiran dan tarikh perkahwinan tidak mencukupi bagi subjek dinasabkan kepada bapa” (h.504). Akibat dari itu, MEMK membuat permohonan semakan kehakiman terhadap keputusan KPPN di Mahkamah Tinggi antaranya memohon perintah *certiorari* mengetepikan perintah berkenaan dan perintah *mandamus* supaya KPPN menukar nama bin Abdullah dengan namanya.

Mahkamah menolak permohonan MEMK dengan alasan tindakan KPPN bergantung kepada undang-undang Islam semasa menolak permohonan tersebut tidak menyalahi undang-undang. Rayuan terhadap keputusan ini dibuat ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa tindakan KPPN bergantung kepada fatwa dalam permohonan ini adalah tidak mengikut undang-undang kerana fatwa tidak mempunyai kuasa perundangan.

Jika sekali pun fatwa tersebut mempunyai kuasa perundangan, ia tidak terpakai kerana diatasi oleh APKK sebagai sebuah undang-undang persekutuan (h.497). Lanjutan daripada keputusan ini, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Selain daripada isu pokok rayuan, ia juga mempunyai kontroversi dari segi prosedur. Mahkamah pernah mendengar kes rayuan kes sebelumnya dan keputusan sudah sedia untuk diumumkan. Namun berlaku beberapa kelengahan antaranya persaraan hakim yang terlibat dengan rayuan kes dan permohonan daripada pejabat peguam negara untuk menangguhkan kes bagi penyelesaian di luar Mahkamah. Memandangkan kesemua hakim yang terlibat dengan permohonan rayuan sebelumnya sudah bersara, rayuan kes ini didengar semula dari mula (*de novo*).

## PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Isu penting berkaitan pemakaian dan pelaksanaan undang-undang Islam yang hendak diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes ini ialah adakah KPPN semasa menjalankan kewajibannya boleh merujuk kepada undang-undang Islam dan adakah seksyen 13A terpakai kepada orang Islam? Pihak Perayu dalam kes ini memohon supaya keputusan Mahkamah Rayuan yang membenarkan rayuan MEMK diketepikan. Keputusan Mahkamah Persekutuan dibuat secara majoriti (4-3) membenarkan sebahagian daripada rayuan dan dua hakim memberi penghakiman minoriti dan seorang hakim penghakiman menentang (*dissenting judgment*). Keputusan secara majoriti ini menunjukkan isu konflik atau pertembungan antara undang-undang sivil dan undang-undang Islam terutama yang berkaitan dengan bidangkuasa Mahkamah dan pemakaian undang-undang Islam di dalam aspek-aspek yang kekeluargaan serta undang-undang peribadi akan berterusan di masa hadapan. Keputusan majoriti menerima sebahagian daripada rayuan ini dengan menyatakan bahawa tindakan KPPN merujuk kepada undang-undang Islam untuk tidak mendaftarkan anak responden dengan membina dengan namanya adalah munasabah, tidak bersifat diskriminasi dan disokong oleh undang-undang. Mengikut penghakiman majoriti, undang-undang Islam seperti yang terdapat di Johor terpakai kepada responden dan anak berkenaan yang dilahirkan di Johor. Ini ditambah lagi dengan undang-undang berkaitan dengan persoalan sah taraf anak turut diperuntukkan dalam Enakmen Keluarga Islam Johor 2003 (seksyen 111) yang terpakai kepada semua responden.

Antara rujukan dan hujah-hujah yang digunakan oleh penghakiman majoriti terdiri dari peruntukan Perlembagaan yang memberikan kuasa pemakaian undang-undang Islam ke atas orang Islam serta kes-kes mahkamah terdahulu. Mahkamah menyatakan bahawa orang Islam di Malaysia tertakluk kepada

undang-undang umum yang digubal oleh Parlimen dan undang-undang Islam yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan (h.505). Ini ditambah dengan hujah bahawa undang-undang Islam adalah sebahagian daripada undang-undang negara seperti yang diputuskan dalam kes *Ramah v. Laton*.<sup>4</sup> Asas-asas kefahaman ini turut dipersetujui di dalam keputusan-keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd Habibullah*, kes *Kamariah Ali v. Kerajaan Negeri Kelantan*<sup>5</sup> dan yang terkini kes *ZI Publications v. Kerajaan Negeri Selangor*.<sup>6</sup> Tambahan pula Akta Kesahtarafan 1961 tidak terpakai kepada orang-orang Islam sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 3(3) Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Rujukan kepada kes-kes di atas ada sesuatu yang positif kerana dapat mengembalikan kedudukan dan kepentingan undang-undang Islam dalam perspektif Perlembagaan Malaysia yang mana sejak kebelakangan ini menghadapi perkembangan yang mencabar.

Penghakiman minoriti dan menentang menolak rayuan ini dan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan dengan alasan bahawa undang-undang Islam tidak boleh dipakai kepada perkara yang sudah ditetapkan di bawah bidangkuasa Persekutuan. Dalam penghakiman minoriti dinyatakan bahawa memandangkan Perlembagaan sudah membuat pembahagian bidang kuasa antara Negeri dan Persekutuan, percubaan untuk menggunakan undang-undang Islam dalam perkara Persekutuan merupakan satu bentuk pelanggaran kepada senibina dalaman yang telah dirangka dengan penuh berhati-hati dan garisan struktur Perlembagaan Persekutuan (*To assimilate or import state law ... in the construction, implementation or application of federal law would be to violate the internal architecture of the carefully constructed and circumscribed structure of the FC – h.523*). Keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Che Omar v. PP*<sup>7</sup> dirujuk bagi menjawab hujah perayu yang menyatakan undang-undang Islam negeri boleh mengubahsuai undang-undang Persekutuan.

Di dalam kes berkenaan, Mahkamah Agung berpendapat hujah bahawa undang-undang Persekutuan bagi tujuan pemakaian umum hendaklah selaras dengan undang-undang Islam adalah bertentangan dengan sejarah perundangan dan sejarah perlembagaan negara; di mana persoalan moraliti (hukum agama) tidak dianggap mempunyai status undang-undang. Bantahan yang sama disuarakan dalam penghakiman menentang dengan menerima alasan yang digunakan oleh Mahkamah Rayuan iaitu pihak Responden (JPN) sebagai pihak berkuasa Persekutuan tidak mempunyai bidangkuasa dan kompetensi dalam

---

<sup>4</sup> *Ramah v. Laton* [1927] 1 MLRS 72.

<sup>5</sup> *Kamariah Ali v. Kerajaan Negeri Kelantan* [2002] 3 MLJ 657.

<sup>6</sup> *ZI Publications v. Kerajaan Negeri Selangor* [2016] 1 MLJ 153.

<sup>7</sup> *Che Omar v. PP* [1988] 2 MLJ 55

membuat keputusan menentukan kesahtarafan anak berkenaan yang beragama Islam (h.538). Alasan seterusnya adalah kerana Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor 2003 mengenai sah taraf anak dan fatwa tidak boleh mengatasi undang-undang Persekutuan. Penghakiman ini juga membezakan antara *paternity* (keturunan) dan *legitimacy* (kesahtarafan) di mana yang pertama adalah perkara Persekutuan dan kedua bagi orang Islam adalah urusan negeri sebagaimana mengikut peruntukan Perlembagaan.

### **PERUNTUKAN *SURNAME* TIDAK TERPAKAI KEPADA ORANG MELAYU/ISLAM**

Penghakiman majoriti memutuskan bahawa seksyen 13A APKK 1957 tidak terpakai kepada orang Islam baik sama ada secara undang-undang atau fakta kerana istilah yang digunakan dalam seksyen berkenaan iaitu *surname* atau nama keluarga tidak digunakan pada nama orang Melayu Islam. Mahkamah menerima keterangan pakar dalam perkara ini yang menjelaskan dalam masyarakat Melayu Islam *surname* tidak digunakan. Oleh itu seksyen ini tidak terpakai kepada orang Melayu Islam kerana nama yang hendak dibinkan oleh responden bukanlah *surname*, tetapi nama responden sendiri. Mahkamah menolak hujah bahawa seksyen ini hendaklah difahami secara tafsiran bertujuan (*purposive interpretation*) kerana bahasa yang digunakan adalah jelas dan tidak memerlukan tafsiran kepada makna yang lain. Alasan ini adalah tambahan kepada hujah bahawa undang-undang yang terpakai kepada responden adalah undang-undang Islam. Bagi pengamal undang-undang Islam dan masyarakat Islam secara umumnya, keputusan ini adalah sesuatu yang dialu-alukan, kerana ia adalah selaras dengan hukum Syarak yang berkaitan dengan penamaan bin anak tidak sah taraf. Keputusan ini juga penting dari segi pentadbiran mahkamah kerana ia akan memandu hakim-hakim mahkamah sivil di masa hadapan apabila berhadapan dengan isu konflik antara peruntukan undang-undang sivil seperti APKK 1957 dan undang-undang persendirian (*personal law*) orang-orang Islam. Ia menjelaskan bahawa dalam persoalan undang-undang diri atau persendirian orang Islam, undang-undang yang akan digunakan adalah undang-undang Islam. Penetapan prinsip perundangan ini di dalam keputusan kes merupakan perkara penting kepada pelaksanaan undang-undang diri Islam di Malaysia.

Penghakiman minoriti dan menentang bagaimanapun menyatakan APKK sebagai undang-undang Persekutuan terpakai kepada semua rakyat sama ada Islam atau bukan Islam. Ini adalah kerana tujuan akta berkenaan adalah untuk menyatakan fakta mengenai kelahiran seseorang anak bagi tujuan bancian kelahiran (h.542). Ia bukanlah bukti konklusif kepada kesahtarafan

kerana tidak terdapat peruntukan undang-undang yang menjamin pendaftaran kelahiran sebagai bukti sah taraf seorang anak. Perkara ini berlaku kerana Perlembagaan membezakan antara *paternity* dan *legitimacy*. Kesan daripada prinsip ini, sebagaimana mengikut penghakiman menentang, seorang kanak-kanak itu berpotensi untuk mempunyai dua bapa iaitu bapa dari segi keturunan atau fakta dan bapa dari segi undang-undang (h.542). Ini adalah kerana di dalam undang-undang sivil mengikut seksyen 112 Akta Keterangan 1950 kelahiran seorang anak dalam tempoh perkahwinan adalah bukti konklusif anak sah taraf kepada pasangan berkenaan. Prinsip ini sudah tentu tidak boleh diterima oleh undang-undang Islam kerana sebagaimana yang diujahkan oleh perayu di mana kebenaran membincang anak tersebut kepada responden dengan sendiri bermakna memberi pengesaharafan anak tersebut. Oleh yang demikian prinsip membezakan antara keturunan dan kesaaharafan di dalam Perlembagaan secara umumnya tidak selaras dengan undang-undang Islam dan tidak boleh diterima kerana terdapat pertalian yang rapat dan berkaitan antara *paternity* dan *legitimacy* di dalam hukum Syariah. Ini adalah kerana di dalam undang-undang Islam tidak ada konsep seorang penjaga mendapat hak yang sama seperti bapa anak tersebut yang sah seperti perwalian dan pusaka. Begitu juga seorang bapa biologi tidak berhak mendapat hak-hak berkenaan sekiranya anak berkenaan dilahirkan akibat daripada perhubungan di luar perkahwinan. Bagi tujuan ini anak berkenaan hendaklah dibuktikan lahir sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh perkahwinan.

## **STATUS FATWA BIN ABDULLAH**

Sungguhpun demikian, penghakiman majoriti tidak membuat keputusan nama kanak-kanak berkenaan boleh dibincang dengan Abdullah. Alasan yang diberikan ialah keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam perkara berkenaan tidak diwartakan di bawah seksyen 52(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 2003. Oleh yang demikian, KPPN tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk menetapkan nama bin Abdullah kepada kanak-kanak berikut memandangkan fatwa tersebut tidak diwartakan. Tambahan pula mengikut Mahkamah, tindakan KPPP dalam perkara ini tidak selaras dengan seksyen 47 Enakmen yang sama memperuntukkan hanya Duli Yang Maha Mulia Sultan yang berkuasa memberi perkenan supaya fatwa berkenaan diterbitkan di negeri Johor.

Berdasarkan kepada alasan ini, Mahkamah membuat perintah supaya nama bin Abdullah dikeluarkan daripada sijil kelahiran kanak-kanak berkenaan. Keputusan ini memberi makna, peruntukan undang-undang sivil yang bercanggah dengan perkara diri atau personal tidak akan terpakai kepada

orang Islam, namun bagi pihak berkuasa sivil atau mahkamah sivil, undang-undang Islam akan hanya dapat dilaksanakan apabila terdapat peruntukan bertulis dalam perkara itu. Memandangkan di Johor tidak ada peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan memberi bin Abdullah kepada anak tidak sah taraf, maka keputusan KPPN memasukkan bin Abdullah kepada nama anak-anak itu tidak mempunyai asas perundangan. Oleh yang demikian, remedi yang mudah bagi menyelesaikan perkara ini, ialah bagi pihak berkuasa agama Islam negeri Johorewartakan fatwa berkenaan untuk membolehkan anak tersebut dibinkan dengan Abdullah. Perkara ini nampaknya dipersetujui oleh penghakiman menentang yang memetik secara langsung penghakiman di peringkat Mahkamah Rayuan, bahawa fatwa dalam perkara bin Abdullah tidak pernah diwartakan di negeri Johor bagi membolehkan pemakaiannya kepada orang Islam di Johor (h.540).

Bagi penghakiman minoriti, hanya mendaftar nama anak semata-mata tanpa nama bapanya di dalam sijil kelahiran tidak dapat diterima sebagaimana tidak dapat diterima meletakkan nama bin Abdullah kerana tindakan tersebut tidak mempunyai asas perundangan. Tambahan lagi bahawa memandangkan seksyen 13A AKPP terpakai kepada semua rakyat Malaysia, perkataan *surname* pada seksyen tersebut hendaklah difahamkan secara tafsiran bertujuan. Ini adalah kerana kesimpulan dibuat menyatakan seksyen berkenaan tidak terpakai kepada orang Melayu Islam adalah bertentangan dengan tujuan jelas AKPP seperti yang dinyatakan dalam seksyen 13A iaitu untuk memberi kepada anak yang dilahirkan di luar perkahwinan hak untuk menyatakan nama bapanya di dalam sijil kelahiran. Tafsiran secara literal ini jika diamati akan menyebabkan orang bukan Islam turut terkesan kerana ada di antara mereka yang tidak mempunyai *surname* (h.519-520). Alasan ini mempunyai merit, kerana penggunaan *surname* atau *ism al-‘a‘ilah* mengikut istilah Bahasa Arab, adalah mengikut budaya sesuatu masyarakat. Oleh itu sungguhpun penghakiman majoriti cuba untuk menyelesaikan persoalan pemakaian hukum Islam dalam masalah peletakan nama bapa biologi kepada anak tidak sahtaraf melalui kefahaman peruntukan seksyen 13A secara literal yang ketat, namun dari segi jangkapanjang masalah akan timbul sekiranya terdapat keluarga Muslim yang mempunyai nama keluarga atau *surname* seperti mereka dari keturunan Arab, Parsi, China termasuk juga Muslim Thai dan lain-lain.

### **CATATAN TIDAK SAHTARAF SUATU DISKRIMINASI?**

Isu seterusnya yang dipertimbangkan oleh Mahkamah ialah sama ada tindakan KPPN membuat catatan di sijil kelahiran anak berkenaan sebagai permohonan seksyen 13 sebagai satu bentuk diskriminasi terhadap anak-anak tak sah taraf.



Tindakan ini menurut responden akan mengaibkan anak berkenaan kerana sudah dimaklumi bahawa catatan permohonan seksyen 13 adalah permohonan pendaftaran anak tak sah taraf. Keputusan majoriti menolak hujah ini dengan menggunakan alasan responden sendiri yang menyatakan adalah menjadi tanggungjawab statutori KPPN untuk mendaftarkan sijil kelahiran mengikut fakta kelahiran anak berkenaan dan tidak merujuk kepada lain-lain perkara. Mahkamah nampaknya bersetuju dengan hujah responden bahawa sijil kelahiran berkenaan adalah hanya menyatakan fakta kelahiran anak berkenaan dan bukan sebagai bukti kesahatarafan. Di sini didapati keputusan majoriti juga turut membezakan antara fakta kelahiran anak berkenaan dan bukti keturunan atau sah taraf anak sebagaimana alasan penghakiman minoriti dan menentang.

Oleh yang demikian, sijil kelahiran seorang kanak-kanak itu atau kad pengenalan seseorang yang dibinkan atau dibintikan bukan bukti konklusif kesahatarafan atau nasab seorang kanak-kanak apabila dicabar. Sama ada keputusan ini sesuatu yang positif atau sebaliknya, ianya bergantung kepada keadaan kes. Namun begitu di Mahkamah Syariah, penafian nasab mengikut undang-undang keluarga Islam hanya melalui sumpah laknat yang dikenali sebagai *li'an*. Mahkamah Syariah akan menolak cara-cara lain bagi penafian nasab.<sup>8</sup> Ini bermakna cara-cara lain perubatan moden bagi mengenalpasti nasab seseorang seperti DNA tidak akan diterima oleh Mahkamah Syariah bagi penafian nasab.

### **PERMOHONAN PERINTAH NASAB DI MAHKAMAH SYARIAH: SUATU CADANGAN**

Sebagaimana yang diketahui Mahkamah Syariah akan mengaplikasikan undang-undang Islam atau hukum Syarak dalam perkara yang berkaitan dengan persoalan diri orang Islam terutamanya undang-undang keluarga walaupun tidak terdapat peruntukan yang jelas di dalam undang-undang bertulis. Ini terutamanya jika berkait dengan tafsiran atau elaborasi terhadap peruntukan undang-undang Islam, maka rujukan hukum Syarak akan digunakan. Keadaan ini boleh dianggap bahawa undang-undang Islam dalam perkara personal orang Islam adalah bidangkuasa asal atau *inherent jurisdiction* Mahkamah Syariah di mana pemakaiannya akan digunakan jika tidak terdapat peruntukan undang-undang bertulis mengenainya secara tuntas dan langsung. Oleh yang demikian sekiranya terdapat permohonan untuk membinkan anak tidak sahtaraf dengan nama bin Abdullah, Mahkamah Syariah akan membuat perintah sedemikian.

---

<sup>8</sup> *Eddyham Bin Zainuddin Lwn Rahimah Bt Muhamad* [2015] 40/2 JH 238-250, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan.



Perintah Mahkamah Syariah adalah terpakai kepada orang Islam kerana ia adalah mahkamah yang berkompeten dari segi undang-undang negeri dan Perlembagaan.

Mahkamah Rayuan dalam kes *Mohd Isa Awang v. Mohamad Idris Seramal Baris*<sup>9</sup> memutuskan bahawa perintah Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah diterima oleh Mahkamah sivil sebagai benar dan tidak boleh dipertikaikan. Bagi membolehkan sesuatu perkara hukum Syarak dapat diaplikasikan kepada orang-orang Islam dalam perkara diri, pihak berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara boleh memohon perintah sedemikian di Mahkamah Syariah. Tidak dapat dinafikan Mahkamah Syariah tidak akan membuat perintah sekiranya tidak dapat terdapat peruntukan dalam undang-undang bertulis. Sebagai contoh, dalam kes *Jumaaton dan Raja Delila v. Raja Hizaruddin*,<sup>10</sup> Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan menolak permohonan perintah agihan pusaka kerana berpandangan ia tidak berbidangkuasa untuk berbuat demikian. Namun begitu, perkara ini lebih kepada isu bidangkuasa Mahkamah berbanding isu substantif undang-undang Syariah.

Mungkin akan timbul persoalan mengenai status pemohon atau plaintif, jika melibatkan badan atau lembaga kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terhad kepada orang Islam. Ini memandangkan badan kerajaan persekutuan atau entiti yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan seperti syarikat dan bank dari sudut perundangan atau Perlembagaan tidak terikat untuk mematuhi perintah Mahkamah Syariah kerana tidak termasuk di dalam takrif orang Islam. Sebagaimana yang dimaklumi isu ini tidak timbul bagi agensi kerajaan negeri terutama pejabat tanah yang mana peruntukan dalam seksyen 421(A) Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) telah mengiktiraf keputusan Mahkamah Syariah dalam perkara yang berkaitan dengan tanah. Oleh yang demikian dari segi jangka panjang peruntukan undang-undang boleh dipinda di peringkat Persekutuan bagi mengiktiraf keputusan Mahkamah Syariah bagi pemakaiannya oleh agensi kerajaan Persekutuan dan lain-lain badan yang ditubuhkan atau dilesenkan di bawah undang-undang Persekutuan sebagaimana yang dilakukan pada KTN.

Tidak dinafikan bahawa pada masa kini badan-badan kerajaan dan badan-badan swasta lainnya terus menghormati keputusan Mahkamah Syariah dan melaksanakannya atas dasar sukarela dalam perkara yang berkaitan dengan undang-undang diri orang Islam. Bagi pandangan peribadi penulis, sungguhpun dalam ketiadaan pindaan undang-undang seperti yang dicadangkan di atas,

---

<sup>9</sup> *Mohd Isa Awang v. Mohamad Idris Seramal Baris* [2020] 9 CLJ 670.

<sup>10</sup> *Jumaaton dan Raja Delila v. Raja Hizaruddin* [1997] 12/2 JH 201-209.

pihak-pihak di atas masih boleh memohon kepada Mahkamah Syariah suatu deklarasi terhadap status perkara berkaitan undang-undang persendirian orang Islam bagi tujuan pelaksanaan terhadap individu Muslim. Ini adalah kerana perkara berkenaan adalah dalam bidang kuasa asal Mahkamah Syariah dan perkara berkenaan tidak boleh diputuskan oleh Mahkamah Sivil sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 121(1A) Perlembagaan dan keputusan kesemua penghakiman majoriti, minoriti dan menentang kes ini. Dalam konteks pengesahan nasab bagi anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan selepas perkahwinan perkara ini sebenarnya telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah seperti dalam kes *Zafrin Zulhilmi bin Fauzi v. Noor Aini bt. Nasron*.<sup>11</sup> Pendekatan yang digunakan untuk memutuskan kes ini sesuatu yang menarik iaitu dengan membenarkan pendaftaran anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan bagi tujuan pentadbiran, namun melarang digunakan bagi tujuan pusaka dan perkahwinan.

Cadangan di atas bukanlah perkara baru, kerana terdapat beberapa permohonan dibuat oleh kepada Mahkamah Syariah oleh badan seperti Amanah Raya Berhad melibatkan pusaka dan wasiat orang Islam. Namun cara yang lazimnya digunakan ialah melalui permohonan fatwa daripada Jabatan Mufti. Namun begitu bagi tujuan pelaksanaan di Mahkamah kepada individu Muslim di negeri berkenaan, fatwa tersebut perlu diwartakan. Proses pewartaan fatwa sungguhpun tidaklah rumit, namun melibatkan pelbagai pertimbangan, proses perbincangan, birokrasi dan kemungkinan kontroversi serta sensasi media, terutamanya media sosial. Jika dibandingkan dengan negara-negara Islam lain yang mengamalkan pelaksanaan undang-undang diri Islam terhadap penduduknya seperti Indonesia, penyelesaian kepada konflik perundangan ini diselesaikan dengan memberi peluang kepada pihak-pihak yang bertikai untuk memilih forum. Sebagai contoh, Undang-undang No.21 Tahun 2008 Tentang Perbankan Syariah pada Pasal 55(1) memberi Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) bidang kuasa dalam kes-kes perbankan Islam, namun pada yang sama memberi pilihan kepada pihak-pihak untuk memilih forum penyelesaian selain daripada pengadilan agama pada Pasal 55(2). Namun begitu forum berkenaan mesti mematuhi prinsip-prinsip Syariah semasa menyelesaikan pertikaian berkenaan. Sekiranya cadangan ini ingin dilaksanakan di Malaysia, ia memerlukan pindaan kepada Perlembagaan serta memerlukan komitmen dan kehendak yang tinggi dari semua pihak.

---

<sup>11</sup> *Zafrin Zulhilmi bin Fauzi v. Noor Aini bt. Nasron* [2013] 2 ShLR 42

## **PENUTUP**

Secara umumnya keputusan kes rayuan ini telah memperkukuhkan prinsip bahawa undang-undang yang terpakai kepada orang Islam dalam perkara diri adalah hukum Syariah. Perkara ini berpunca daripada peruntukan Perlembagaan itu sendiri. Keputusan ini adalah sesuatu yang positif dan dialu-alukan. Namun begitu, pada pandangan penulis, alasan atau penyelesaian yang dicadangkan oleh keputusan majoriti boleh menimbulkan masalah dan persoalan di masa hadapan, iaitu seksyen 13A tidak terpakai kepada orang Melayu Islam hanya melalui tafsiran literal perkataan *surname* dan tidak berasaskan kepada prinsip-prinsip perundangan yang kukuh. Penghakiman minoriti dari segi perundangan pula mempunyai merit yang kuat. Ini adalah kerana terdapat persetujuan dan kefahaman melalui keputusan kes-kes Mahkamah Persekutuan yang terdahulu bahawa undang-undang Islam termasuk fatwa tidak boleh melebihi urusan Persekutuan dalam perkara yang melibatkan undang-undang pentadbiran.

Hujah ini diperkukuhkan lagi dengan alasan yang spesifik kepada kes ini, iaitu perkara mengenai keturunan dan kesahtarafan adalah dua perkara berbeza sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan. Tidak syak lagi bahawa urusan pendaftaran kelahiran dan kematian yang secara asasnya merupakan perkara yang melibatkan persoalan fakta tentang keturunan dan ia merupakan urusan Persekutuan. Namun, apa yang penting untuk disimpulkan adalah keputusan kes Mahkamah Persekutuan ini secara umumnya masih menggunakan kerangka prinsip kes Indira Gandhi, iaitu Mahkamah Sivil berkuasa dalam semakan pentadbiran termasuk yang melibatkan urusan undang-undang Islam. Oleh yang demikian, sungguhpun keputusan kes ini memberi ruang kepada pelaksanaan undang-undang Islam, prinsip perundangan yang digunakan adalah berbentuk teknikal, bahkan lebih kepada tafsiran secara literal teks undang-undang. Keadaan ini sudah tentu tidak menjamin kedudukan undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan sewajarnya sekiranya berhadapan dengan kes-kes yang serupa di masa hadapan.

